

[Next: Enforcement Action](#) >

1) **Kadar Levy**

Levy sebanyak 0.125% dikenakan ke atas jumlah nilai keseluruhan kerja pembinaan yang melebihi lima ratus ribu ringgit.

2) **Semakan Bayaran**

Kontraktor boleh menyemak amaun yang perlu dibayar melalui Borang Pemberitahuan Pengenaan Levy, iaitu **Borang CIDB L2/96** yang akan dijana secara automatic oleh sistem CIMS. Kontraktor juga boleh mencetak Borang CIDB L2/96, menyemak status bayaran levy dan senarai kerja pembinaan yang telah dimaklumkan kepada CIDB melalui sistem dalam talian, melalui [capaian di sini](#).

3) **Tempoh Bayaran**

Bayaran levy hendaklah **dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Borang CIDB L2/96 dikeluarkan**.

4) **Cara Bayaran**

Kontraktor dikehendaki mengisi Borang Pembayaran Levy* dan membayar amaun levy yang dikenakan di mana-mana kaunter kewangan pejabat CIDB Negeri/ Cawangan menggunakan:

- a) Cek Jurubank (*Banker's Cheque*); atau
- b) Draf Bank (*Bank Draft*)**.
- c) Kad Debit
- d) Perbankan Internet
- e) Wang Pos (*Postal Order*);
- f) Electronic Funds Transfer (EFT)

Nota:

- i. Lampirkan Borang CIDB L2/96
- ii. Bayaran bagi perkara di atas hendaklah diletakkan atas nama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau CIDB Malaysia.

5) **Pengecualian Levy***

Pengecualian levy hanya diberikan kepada projek perumahan seperti di bawah;

- 1) Projek Perumahan Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan Kos Sederhana dengan **harga jualan tidak melebihi RM100,000.00 seunit**.
- 2) Projek Perumahan yang **menggunakan lebih 50% komponen Sistem Binaan Berindustri (IBS)**.

***Nota:** Pengecualian levy bagi projek perumahan yang menggunakan IBS perlu menjalani pemeriksaan tapak dan diperakukan oleh CIDB. Permohonan pengecualian tanpa dokumen pengesahan tersebut akan DITOLAK

6) **Perubahan Kepada Nilai Kerja Pembinaan**

Sebarang perubahan kepada nilai kontrak hendaklah dimaklumkan kepada pihak CIDB bersama dengan bukti dokumen yang berkaitan dengan perubahan tersebut yang dikeluarkan oleh pihak klien atau juruperunding. Pemakluman ini juga dilakukan menerusi sistem CIMS.

Share [f](#) [t](#) [w](#)

[Next: Enforcement Action](#) >

Agencies under the Ministry of Works



CIDB Careline
1300 88 CIDB (2432)

[Enquiries](#) | [CIDB Intranet](#) | [Disclaimer](#) | [Security Policy](#) | [Privacy Policy](#) | [Sitemap](#)



Last Updated 20 Nov 2020 **Visitor Counter** 92029907

©2020 Construction Industry Development Board

Best viewed The latest browsers of Internet Explorer, Mozilla Firefox and Google Chrome.